

Syarat ekuiti DEB diubahsuai

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengubahsuai syarat-syarat mengenai ekuiti dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi melaksanakan peraturan - peraturannya yang berkaitan dengan peluang - peluang pekerjaan. **UM**

Katanya, kerajaan sedang mengkaji syarat-syarat yang terlalu spesifik supaya para pelabur tidak terus kebingungan tentang bila dan bagaimana kerajaan sanggup mengorbankan penyertaan ekuiti demi kepentingan pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

"Dasar Ekonomi Baru bukan hanya bererti pengagihan ekuiti, ia juga penting untuk memastikan peluang - peluang pekerjaan diagihkan secara sama - rata," katanya

ketika berucap di majlis makan malam institusi - institusi kewangan di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan juga akan melonggarkan pemberian permit kerja mengikut keperluan industri - industri tertentu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

"Sudah pastilah jika tidak ada pembangunan, maka tidak ada apa yang dapat diagihkan. Jika ada syarat - syarat yang membantutkan pertumbuhan itu mengikut ketetapan waktu, maka syarat-syarat itu diubahsuai atau dihapuskan," ujar beliau.

Kata beliau, dalam kes mengeluarkan permit kerja, umpamanya, faktor-daktor seperti jumlah modal yang dibawa masuk, orientasi eksport dan program penyaluran kemahiran akan diambil kira.

Menurut Perdana Menteri, beliau kesal banyak kontroversi politik timbul ekoran kenyataannya yang menyebut DEB akan diabaikan, tetapi hakikat sebenarnya ialah DEB diasaskan kepada pertumbuhan dan DEB boleh dilihat dari berbagai sudut.

Beliau juga berkata, adalah jelas negara ini mengalami masalah ekonomi dan kewangan yang serius.

"Bolehkah kita mengatasinya dan kembali ke jalan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan," tanya beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, kerajaan telah mengenalpasti kelemahan - kelemahan dalam sektor kewangan, termasuk memberikan kuasa-kuasa tambahan kepada Bank Negara untuk mengendalikan keadaan - keadaan tertentu dalam pasaran.

Pertumbuhan akan dirangsangkan menerusi pembiayaan yang mudah bagi sektor - sektor yang mempunyai potensi termasuk pembinaan jalan dan perumahan. Galakan - galakan baru sudah dan akan disediakan bagi pelaburan, katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur untuk menyemai semangat bekerja masyarakat Timur, tetapi pihak-pihak yang

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Syarat ekuiti DEB diubahsuai

membangunkan usaha ini berjaya membuat sabotaj.

"Daya pengeluaran kita bertambah dengan sedikit sahaja. Kini kita terpaksa menyematkan lebih banyak semangat kerja Timur. Kem-kem latihan bagi para belia dan pekerja akan diwujudkan oleh kerajaan bagi menyematkan semangat wajar terhadap kerja dan pekerjaan," katanya.

Dengan cara itu, kata beliau, mereka akan tahu hak mereka dan mereka juga akan disedarkan tentang tanggungjawab terhadap majikan, masyarakat dan negara.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, para pengurus dan eksekutif juga perlu dilatih bagi mempertingkatkan nilai-nilai etika mereka.

"Banyak skandal dan penyelewengan oleh para ek-

sekutif berpunca daripada pemikiran 'cepat-kaya' yang mereka wujudkan," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau tidak bemsud semua eksekutif tidak dipercayai, tetapi hakikatnya ialah apabila diteliti, maka akan dapat dilihat berbagai aktiviti tidak wajar di kalangan mereka yang telah dipertanggungjawabkan.

"Kerajaan akan mengambil langkah - langkah perlu bagi menjaga para eksekutif di sektor awam dan sektor awam perlu mengambil tindakan yang sama," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mempunyai ramai usahawan dan pengurus yang cemerlang dan jumlah yang sedikit itu tidak wajar disekat, sebaliknya hendaklah di-

beri peluang.

"Tapi sudah tentulah tidak semuanya — hanya mereka yang menunjukkan inisiatif dan yang benar-benar jujur membayar segala hutang apabila mereka mampu," jelasnya.

Katanya, golongan tersebut merupakan yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, pekerjaan dan tabung kewangan kerajaan.

"Tabung kewangan inilah yang lebih penting. Malah, industri bank juga bergantung kepada golongan yang sama. Jika mereka jatuh, lambat-laun kita akan jatuh juga," katanya.

Mengenai industri bank, beliau berkata, kerajaan sentiasa perihatin tentang keyakinan orang ramai terhadapnya dan satu - satu

UM 26 AUG 1986
caranya ialah dengan menjamin simpanan orang ramai adalah selamat.

"Tapi apakah jaminan yang didapati jika kita memaksa para peminjam menjadi bankrap. Jika mereka bankrap, bank akan kehilangan wang."

"Apa pula akan jadi kepada wang para penyimpan. Jika semua atau kebanyakan peminjam menjadi bankrap, apa akan jadi pada bank dan apa pula akan jadi kepada para penyimpan serta ekonomi negara," tanya beliau.

Sehubungan dengan itu, beliau menegur sikap sesetengah peminjam yang lebih sanggup menjadi bankrap daripada membayar pinjaman mereka, kerana tindakan itu akan hanya mengakibatkan kekurangan pendapatan dan juga peluang pekerjaan.